

JIM Johor gempur pusat urut, hotel bajet

Johor Bahru: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor menahan seramai 64 pendatang asing tanpa izin (PATI) selepas menyerberu beberapa premis termasuk pusat urut dan hotel bajet di sekitar bandar raya ini, kelmarin.

Pengarah JIM Johor Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, semua PATI berusia antara 19 hingga 65 tahun ditahan dalam operasi bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) bermula jam 4 petang.

Katanya, kesemua yang ditahan terdiri daripada 33 wanita Indonesia, 17 wanita Thailand, tiga wanita China, dua wanita Uganda, tiga lelaki masing-masing warga Bangladesh dan India, dua lelaki Pakistan dan seorang lelaki Indo-

nesia.

"Operasi dilakukan bagi memastikan setiap warga asing memiliki dokumen perjalanan sah selain memantau pemilik premis yang disyaki menggaji pekerja asing secara menyalahi undang-undang.

"Hasil pemeriksaan mendapati sebahagian besar PATI terbabit tidak memiliki dokumen perjalanan sah, menyalahgunakan pas lawatan sosial dan tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Mohd Rusdi berkata, kesemua PATI yang ditahan disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.



SEBAHAGIAN daripada PATI yang ditahan dalam operasi bersepadu JIM Johor di sekitar bandar raya Johor Bahru, kelmarin.